

**PENGARUH PERANCIS SEMASA ERA TANZIMAT (1839-1876)
DAN IMPLIKASINYA TERHADAP KERAJAAN UTHMANIYYAH**

THE INFLUENCE OF FRANCE DURING THE TANZIMAT ERA (1839-1876) AND ITS IMPLICATIONS FOR THE OTTOMAN EMPIRE

Muhammad Hazzim Hasnul

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Napisah Karimah Ismail*

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Corresponding Author's Email: napisah@ukm.edu.my*

Article History:

Received : 6 February 2026

Accepted : 5 March 2026

Published : 13 April 2026

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Hasnul, M. H. & Ismail, N. K. (2026). Pengaruh Perancis Semasa Era Tanzimat (1839-1876) dan Implikasinya Terhadap Kerajaan Uthmaniyyah. *Jurnal 'Ulwan*, 11(1), 77-89.

ABSTRAK

Kerajaan Uthmaniyyah mulai lemah dan menghadapi ancaman dari Barat pada penghujung abad ke-17M. Menyedari akan kemaraan kuasa Barat yang semakin menyerlah, Kerajaan Uthmaniyyah mengambil langkah dalam mengukuhkan kembali kekuatan pemerintahan melalui beberapa usaha memodernisasikan sistem pentadbiran dan ketenteraan dengan mengambil pendekatan ala Barat. Reformasi Uthmaniyyah khususnya dalam pelaksanaan Tanzimat pada tahun 1839 hingga 1876 menyaksikan Perancis memainkan peranan penting dalam membantu proses tersebut. Makalah ini bertujuan menjelaskan proses transformasi Kerajaan Uthmaniyyah semasa era Tanzimat dan implikasinya. Penulisan ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan daripada sumber-sumber primer dan sekunder. Penulisan ini mendapati pengaruh Perancis dalam Tanzimat menjadi asas kepada transformasi pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah khususnya dalam pentadbiran, perundangan, pendidikan dan sosial. Pengaruh Perancis melalui reformasi pembaratan dalam pentadbiran Uthmaniyyah menyebabkan keterbengantungan terhadap sistem pentadbiran Barat yang menjadi penyebab pengurangan pengaruh sultan dan ulama dalam pentadbiran Uthmaniyyah. Dasar sekularisme dan propaganda mengenai sistem demokrasi

berteraskan tanah air menjadi asbab keruntuhan kerajaan Uthmaniyyah dan pembentukan negara Turki Moden hari ini.

Kata kunci: Tanzimat; Uthmaniyyah; Perancis; *Hatti-Syarif Gulhane*; *Hatti Humayun*

ABSTRACT

The Ottoman Empire began to experience a gradual decline and faced mounting threats from the West towards the end of the seventeenth century. Aware of the rapid ascendancy of Western powers, the Ottoman sought to reassert its imperial strength through a series of modernization initiatives in both administrative and military structures, adopting Western-oriented models. The Ottoman reforms, particularly during the implementation of the Tanzimat (1839-1876), witnessed France assuming a significant role in facilitating this process. This article aims to examine the transformation of the Ottoman Empire during the Tanzimat era and to analyze its implications. The study employs a qualitative approach using historical research design and content analysis based on primary and secondary sources. The findings indicate that French influence during the Tanzimat became the foundation for the transformation of the Ottoman administration, especially in governance, law, education, and social structures. French influence through Westernization reforms in the Ottoman administration resulted in a dependency on Western administrative systems, leading to a reduction in the influence of the Sultan and the ulama within the Ottoman government. The policies of secularism and the propagation of democracy based on nationalism ultimately contributed to the collapse of the Ottoman Empire and the emergence of the modern Turkish state.

Keywords: *Tanzimat; Ottoman Empire; France; Hatt-i Sharif of Gülhane; Hatt-i Hümayun*

1.0 PENGENALAN

Era Tanzimat (1839-1876) merupakan fasa penting dalam sejarah Kerajaan Uthmaniyyah yang menyaksikan pelaksanaan pelbagai reformasi khususnya dalam pentadbiran, perundangan, pendidikan dan sosial. Gerakan pembaharuan ini bertujuan memperkukuh struktur kerajaan serta menyesuaikan sistem pemerintahan dengan perkembangan moden di Eropah. Antara kuasa yang paling berpengaruh di Eropah ialah Perancis, yang dianggap model bagi pembaharuan moden, khususnya selepas Revolusi Perancis (1789) dengan kebangkitan idea liberalisme serta sekularisme. Tanzimat yang berasal daripada perkataan Arab bermaksud mengatur dan memperbaiki, namun dalam konteks sejarah, Tanzimat merujuk kepada gerakan pembaharuan atau reformasi, khususnya yang dilaksanakan oleh Kerajaan Uthmaniyyah antara tahun 1839 hingga 1876 (Jamil, 2007). Tanzimat juga bermaksud pembaharuan sekular yang bertujuan memodenkan Kerajaan Uthmaniyyah melalui arahan pemerintah (Hussain, 2011). Pembaharuan pada era Tanzimat adalah penerusan ideologi pembaratan yang dilakukan sebelumnya oleh

Salim III (1789-1807) dan Mahmud II (1808-1839) dalam Kerajaan Uthmaniyyah. Era ini menyaksikan kemunculan golongan birokrat dan intelektual Uthmaniyyah yang begitu terpengaruh dengan pemodenan Barat (Radzi, 2012).

Tanzimat bermula dengan pengisytiharan *Hatti-Syarif Gulhane* oleh Abdul Majid I, iaitu putera kepada Mahmud II pada 3 November 1839. Piagam ini merupakan inisiatif oleh Mustafa Resid Pasha, Menteri Luar Uthmaniyyah yang sangat terpengaruh dengan sistem pentadbiran Barat. *Hatti-Syarif Gulhane* telah mendapat nasihat daripada pimpinan Barat, khususnya Perancis. Piagam ini menggariskan tiga elemen utama, iaitu penggubalan undang-undang yang sama bagi keseluruhan rakyat tanpa mengira agama, peraturan kutipan cukai yang saksama dan perubahan dalam sektor ketenteraan (Nasution, 1982).

Pada 18 Februari 1856, Piagam *Hatti Humayun* pula telah diisytihar oleh Abdul Majid I bagi menggantikan piagam *Hatti-Syarif Gulhane*. Piagam ini dilihat memperkukuhkan kedudukan masyarakat Kristian dalam wilayah Uthmaniyyah. Pengisytiharan Piagam *Hatti Humayun* yang dilakukan Abdul Majid I adalah atas desakan negara-negara Eropah, khususnya Perancis dan British yang menjadi sekutu Uthmaniyyah semasa menentang pihak Rusia dalam Perang Crimea (1853-1856) (Radzi, 2012).

Peperangan Crimea berlaku disebabkan oleh penolakan Kerajaan Uthmaniyyah untuk memberikan hak penjagaan warga Kristian Ortodoks dalam wilayah Uthmaniyyah kepada Rusia. Peperangan ini berlaku di wilayah Wallachia, Moldavia dan Akhyar. Menerusi bantuan Perancis dan British, peperangan diakhiri dengan Perjanjian Paris (1856) yang memberikan hak kepada Uthmaniyyah ke atas wilayah Kars dan menyerahkan wilayah Crimea kepada Rusia. Hubungan antara gabungan Perancis-British dengan Rusia dicemari oleh fahaman mazhab Kristian yang berbeza, di mana pihak Perancis-British yang bermazhab Kristian Protestan dan Katolik menyertai gabungan Uthmaniyyah dalam perebutan Kota Suci Jerusalem di antara pihak Rusia yang bermazhab Ortodoks. Gabungan Pakatan Perancis-British dan Uthmaniyyah juga bertujuan menyekat perluasan kuasa Rusia daripada memasuki wilayah kekuasaan Barat. Demi membalas jasa baik pihak Perancis-British, Abdul Majid I terpaksa memperbaharui piagam pertama dengan mengisytiharkan Piagam *Hatti Humayun* yang lebih memberi tumpuan kepada hak masyarakat Kristian dalam wilayah Uthmaniyyah (Radzi, 2012). Bertitik tolak daripada situasi yang dinyatakan ini dapat dikatakan terdapatnya pengaruh Perancis terhadap proses pembaratan yang dilakukan oleh Kerajaan Uthmaniyyah pada era Tanzimat. Justeru, makalah ini bertujuan membicarakan tentang pengaruh Perancis semasa era pelaksanaan Tanzimat dalam pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah dan implikasinya dalam aspek pentadbiran, undang-undang, pendidikan dan sosial.

2.0 SITUASI UTHMANIYYAH ABAD KE-17M DAN KE-18M

Kerajaan Uthmaniyyah mula mengalami kemerosotan dalam pelbagai aspek termasuk politik, sosial, ekonomi dan ketenteraan pada akhir abad ke-17M dan menjelang abad ke-18M. Tempoh satu abad kemunduran Uthmaniyyah dalam aspek ketenteraan bermula dengan Peperangan Vienna pada tahun 1683 sehingga pencerobohan Napoleon Bonaparte ke atas Mesir pada tahun 1798. Pertempuran antara Uthmaniyyah dan Rusia menyaksikan kekalahan pihak Uthmaniyyah dalam

perang Crimea pada tahun 1689 dan rampasan terhadap Pelabuhan Azof pada tahun 1695 (Anh, 2024). Pada 1699, Perjanjian Karlowitz telah dimetrai antara Kerajaan Uthmaniyyah dengan Austria setelah kekalahan pihak Uthmaniyyah ke atas Austria dalam perang Zenta (1697). Akibat daripada perjanjian tersebut, Kerajaan Uthmaniyyah terpaksa mengakui kekalahan, mengiktiraf kedaulatan Hungary dan menyerahkan seluruh wilayah Hungary (kecuali Banat) dan Transilvania kepada Austria. Pada tahun 1718 Perjanjian Passarowitz dimetrai antara Uthmaniyyah dan Austria menyaksikan Uthmaniyyah kehilangan wilayah Banat dan sebahagian besar Serbia kepada Austria (Quataert, 2005).

Kelemahan dalam aspek politik dan pentadbiran Uthmaniyyah berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah keruntuhan moral para sultan dan golongan istana serta berlaku penyelewengan kuasa oleh para pembesar negara (Kinross, 1979). Sikap pemimpin Uthmaniyyah telah menyimpang daripada amalan yang diamalkan oleh para pemimpin Uthmaniyyah yang terdahulu (Yapp, 1987). Selain itu, amalan rasuah semakin berleluasa di mana para pembesar menjual jawatan penting dalam kerajaan demi kepentingan mereka sendiri. Kebanyakan para sultan lebih mementingkan pembinaan istana-istana mewah dan megah seperti yang diamalkan oleh Maharaja Rom Byzantine. Amalan ini sering menimbulkan rasa benci dalam kalangan rakyat dan tentera yang menyebabkan mereka bangkit dan menyingkirkan sultan (Jamil, 2007).

Di samping itu, taraf sosial rakyat di wilayah Uthmaniyyah pada abad ke-17M hingga 18M berada dalam keadaan kritikal. Situasi ini berlaku disebabkan kemiskinan dan penindasan lantaran kelemahan dan penyelewengn kuasa yang diamalkan oleh pihak pentadbir wilayah pada ketika itu. Golongan pentadbir wilayah mengamalkan kekerasan dalam menguasai dan menindas para petani. Kadar cukai dinaikkan demi memenuhi cita-cita para pentadbir yang mementingkan kemewahan. Sistem tanah I'ta yang dikhususkan untuk tentera bagi menghargai jasa mereka kerana terlibat dalam peperangan telah dihapuskan (Radzi, 2012). Menurut Vucinich (1965), pemerintahan Uthmaniyyah telah dilanda dengan kekacauan politik dan sosial. Oleh yang demikian, atas kesedaran daripada kelemahan dan kemerosotan yang berlaku, pembaharuan dan nafas baru diperlukan bagi terus menjamin keutuhan dan kedaulatan kerajaan ini.

3.0 PERMULAAN PROSES PEMBARATAN DALAM KERAJAAN UTHMANIYYAH (1789-1839)

Salim III menaiki takhta Uthmaniyyah pada April 1789 ketika berusia 27 tahun menggantikan bapa saudaranya, Abdul Hamid I (1774-1789). Beliau disifatkan sebagai seorang yang berwibawa dan berwawasan tinggi (Jamil, 2007). Sebagai seorang pemimpin umat Islam, Salim III bercita-cita untuk membaik pulih tadbir urus Uthmaniyyah yang semakin mundur dengan mengambil inspirasi daripada Gerakan Revolusi Perancis. Revolusi Perancis yang tercetus pada tahun 1789 telah digambarkan sebagai kebangkitan rakyat Barat terhadap kelemahan pemerintah menjadi sumber inspirasi kepada Salim III dalam melaksanakan pembaharuan dalam Kerajaan Uthmaniyyah. Oleh kerana itu, beliau telah melantik Sayyid Ali Affendi sebagai Duta Uthmaniyyah pertama ke Perancis (Radzi, 2012). Menurut Kinross (1979), rangka pembaharuan Uthmaniyyah diinspirasi oleh dasar *The New Order*

(peraturan baru) yang dilaksanakan di Perancis semasa Revolusi Perancis. Raja Perancis, Louis XVI telah menulis surat yang mengandungi rangka pembaharuan di Perancis kepada Salim III sebagai rujukan beliau.

Dari sudut pandang antarabangsa, Salim III telah memecahkan tradisi Uthmaniyyah yang menganggap pembaratan sebagai suatu yang ditegah. Sekalipun ada usaha pembaratan yang dilakukan oleh Sultan Uthmaniyyah terdahulu, namun amat terhad kepada beberapa sektor sahaja. Pembaratan yang dilakukan oleh Salim III agak menyeluruh kerana melibatkan sektor penting seperti pentadbiran, pendidikan, ketenteraan dan ekonomi (Radzi, 2012). Dari aspek pentadbiran, Salim III melantik dan menghantar duta-duta Uthmaniyyah ke wilayah-wilayah di Eropah. Beberapa kedutaan asing juga telah dibuka di Istanbul dan wilayah Uthmaniyyah. Antara tugas utama para duta ini ialah mengambil maklumat tentang bahasa, ilmu pengetahuan dan ilmu sains yang berguna kepada Kerajaan Uthmaniyyah. Bahasa Perancis diwajibkan kepada golongan elit atau pentadbir. Hal yang demikian telah mewujudkan satu golongan berpendidikan Barat yang seterusnya menjadi pelaksana idea Barat dalam pentadbiran Uthmaniyyah (Radzi, 2012).

Sebagaimana dalam aspek pentadbiran, aspek ketenteraan juga menerima perubahan besar. Salim III telah menubuhkan sebuah pasukan ketenteraan baru yang digelar *Nizam Jedid* (Peraturan baru). Jurulatih dari Barat telah dibawa ke Istanbul bagi melatih pasukan tentera tersebut. Mereka diberikan kelengkapan senjata dan pemakaian ala Barat. Aktiviti utama yang ditekankan oleh Salim III dalam *Nizam Jedid* adalah pembaharuan sekolah-sekolah tentera darat dan laut. Sekolah ini bertanggungjawab melatih penggunaan senjata ringan, pembinaan kubu, ilmu sains dan pelayaran kepada kadet-kadet Uthmaniyyah. Buku-buku mengenai peperangan dalam bahasa Perancis juga telah dibawa masuk dan dijadikan sebagai bahan rujukan (Ünişen & Erbulut, 2023). Bagi melancarkan program pembaharuan, Salim III telah menghidupkan kembali aktiviti percetakan. Penjelasan dan propaganda dilakukan bagi menjelaskan kelebihan pemodenan Barat diserap dalam struktur pentadbiran Kerajaan Uthmaniyyah. Antara tahun 1796 hingga 1798 sebuah akhbar Perancis diterbitkan di Istanbul. Usaha ini adalah salah satu langkah untuk memperkenalkan idea-idea Barat, khususnya Revolusi Perancis terhadap masyarakat Islam Uthmaniyyah (Radzi, 2012).

Pembaharuan menyeluruh yang dilakukan oleh Salim III mendapat tentangan daripada golongan ulama dan Janissari (satu cabang angkatan tentera yang dibentuk khas oleh Murad I pada abad ke-14M). Para ulama menentang program Salim III atas dasar perbuatan yang dilakukan oleh beliau merupakan perbuatan bid'ah. Sementara itu, pihak Janissari bimbang perubahan yang sedang berlaku akan menghakis pengaruh mereka dalam Kerajaan Uthmaniyyah. Akibat daripada penentangan itu, Salim III telah digulingkan pada tahun 1807 atas alasan telah menyalahi syarak dan terpengaruh oleh bangsa Barat (Jamil, 2007). Menurut Shaw dan Shaw (1977), kegagalan Salim III adalah disebabkan oleh kegagalan baginda bertindak secara bijaksana dalam mengawal institusi tradisional, semangat prejudis agama dan perbezaan kaum dalam kerajaan. Pihak Janissari telah menabalkan Mustafa IV (sepupu Salim III) sebagai pengganti. Namun demikian, Mustafa IV hanya sempat memerintah selama setahun sebelum digulingkan oleh pengikut Salim III. Jawatan sultan kemudian disandar oleh adiknya, Mahmud II (Jamil, 2007).

Mahmud II mempunyai hasrat untuk menyambung semula kegiatan pembaharuan yang dilakukan Salim III. Mahmud II dilahirkan dari wanita berketurunan Perancis bernama Aimee Dubucq de Rivery. Sejak kecil beliau telah dididik oleh ibunya sendiri dan beberapa orang guru yang didatangkan khas dari Perancis (Barber, 1988). Setelah menaiki takhta, beliau telah memperkenalkan beberapa program reformasi yang diilhamkan oleh ibunya sendiri (Jamil, 2007). Mengambil ikhtibar dari apa yang terjadi sebelum ini, Mahmud II tidak bertindak melainkan setelah kedudukannya menjadi kukuh. Sebagai langkah pertama, beliau telah menggantikan para gabenor dengan individu yang taat kepadanya. Kemudian, pada tahun 1826, melalui sebuah piagam, beliau telah menubuhkan pasukan tentera baharu atas alasan berjihad menentang orang kafir. Bagi mengelakkan penentangan, beliau telah melantik jurulatih tempatan yang menerima latihan secara moden di luar negara. Tindakan Mahmud II mendapat sokongan golongan ulama, namun tentera Janissari tetap memberontak. Melihat keadaan tersebut, Mahmud II telah menghapuskan tentera Janissari melalui tentera yang baru ditubuhkannya dan bantuan sukalerawan (Jamil, 2007). Perubahan secara berperingkat yang dilakukan oleh Mahmud II serta penerimaan rakyat terhadap dasar pemodenan membolehkan beliau memerintah sehingga akhir hayat beliau sebelum digantikan oleh puteranya, Abdul Majid (1839-1861) yang menjadi tanda permulaan kepada era Tanzimat dalam Kerajaan Uthmaniyyah.

4.0 PENGARUH PERANCIS DALAM PELAKSANAAN TANZIMAT

Pelaksanaan reformasi Tanzimat pada tahun 1839 hingga 1876 melibatkan tempoh pemerintahan dua orang sultan, iaitu Abdul Majid I (1839-1861) dan Abdul Aziz (1861-1876). Pemerintahan era Tanzimat melalui perlembagaan Piagam *Hatti-Syarif Gulhane* dan Piagam *Hatti Humayun* memberi lampu hijau kepada Perancis untuk campur tangan dalam penggubalan dasar pentadbiran dan pelaksanaannya dalam Kerajaan Uthmaniyyah. Pengaruh Perancis tidak hanya terbatas pada hubungan diplomatik, namun mencakupi pelbagai aspek penting seperti pentadbiran, perundangan, pendidikan dan sosial.

4.1 Pentadbiran

Piagam *Hatti-Syarif Gulhane* telah menggariskan asas-asas peraturan dan perundangan serta mencorak aspek pentadbiran Kerajaan Uthmaniyyah semasa era Tanzimat. Serentak dengan itu sebuah institusi baharu telah diperkenalkan bagi mewujudkan pentadbiran berkesan dalam mengimplementasikan piagam tersebut. Aspek pentadbiran yang berpusat di Istanbul dan pentadbiran wilayah merupakan idea yang diambil daripada sistem pentadbiran Perancis (Radzi, 2012). Antara institusi yang memainkan peranan dalam era ini ialah *Meclis-i Vala-i Ahkam-i Adliye* (Majlis Tertinggi Keadilan). Majlis ini berperanan sebagai badan penasihat kepada pembaharuan yang dilaksanakan. Di samping itu, ia juga berperanan sebagai badan perundangan tertinggi negara. Walaupun majlis ini ditubuhkan pada 31 Mac 1838 semasa era Mahmud II, keberkesanan mula terlihat pada era Tanzimat.

Pada 5 November 1839 kesemua pembesar negeri, wakil-wakil rakyat, diplomat-diplomat asing dijemput ke Gulhane untuk mendengar *Hatti-Syarif*

(Peraturan Mulia). Peraturan ini mengambil pertimbangan perassan orang Islam dan bukan Islam (Kristian) dengan menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara di samping memperkenalkan sistem baharu bagi mengatasi kelemahan pentadbiran sebelumnya. Pengisytiharan ini menyebabkan Perancis mengambil peluang menguatkan jajahannya di Algeria dengan menjadikan Mesir sebagai negeri naungannya dan mencadangkan Muhammad Ali Pasha (gabenor Mesir yang dilantik oleh Uthmaniyyah) dihapuskan supaya dapat menjadikan Mesir sebagai laluan utamanya ke India. Namun pada November 1840, tentera bersekutu Eropah menyerang Iskandariah dan memaksa Muhammad Ali untuk menerima tawaran dengan menyerahkan Syria yang dikuasainya kepada Uthmaniyyah dan beliau diberi peluang untuk berkuasa di Mesir turun-temurun. Perancis kemudiannya memainkan peranan dalam pembinaan Terusan Suez di Mesir yang menghubungkan Laut Merah dan Laut Mediterranean bermula tahun 1856 hingga siap pada tahun 1869.

Ketika pemberontakan penduduk Montenegro pada tahun 1852, Rusia meminta Kerajaan Uthmaniyyah membuat peraturan khas tentang tempat suci dan mengiktiraf gereja Yunani sebagai gereja Kristian yang bebas, namun ditolak oleh Uthmaniyyah. Pada 4 Oktober 1852, Uthmaniyyah mengisytihar perang ke atas Rusia dan kuasa-kuasa besar lain cuba campur tangan dan memihak kepada Uthmaniyyah. Perang yang dinamakan Perang Crimea menyaksikan Rusia akhirnya tewas pada 28 November 1855 di Kars. Negara-negara Eropah termasuk Perancis akhirnya mendesak Uthmaniyyah melakukan reformasi undang-undang agar Rusia tidak lagi menceroboh Uthmaniyyah.

Dengan itu lahirlah *Hatti Humayun* pada 1 Februari 1856 dan sultan meneruskan segala hak yang termaktub dalam *Hatti-Syariff*. Implikasi daripada piagam ini, maka termetrailah Perjanjian Paris pada bulan Mac 1856. Uthmaniyyah terpaksa membebaskan Moldavia dan Wallachia sebagai sebuah negara yang bebas mengamalkan agama mereka dan membenarkan Uthmaniyyah menjadi ahli dalam Kesatuan Eropah bagi menikmati segala kemudahan yang diberikan oleh undang-undang antarabangsa. Selepas empat tahun Perjanjian Paris dilaksanakan, sekali lagi kuasa-kuasa Eropah campur tangan dalam urusan pemerintahan Uthmaniyyah, iaitu dalam pentadbiran di Druzes dan Maronites di Lubnan dengan alasan kedua-dua wilayah ini sering berlaku konflik antara orang Kristian dan orang Islam (Yahaya & Halimi, 1993).

Dalam era Tanzimat juga menyaksikan peningkatan jumlah Jemaah Menteri dan penubuhan *Meclis-i Vukela* (Majlis Menteri) yang bertujuan menyekat dan mengawal kuasa mutlak sultan melalui sistem parlimen (perwakilan). Sistem demokrasi ini diambil daripada perubahan pentadbiran di negara Barat, khususnya Perancis. Beberapa kementerian dan jabatan baharu telah ditubuhkan bagi melancarkan pentadbiran kerajaan. Antaranya seperti seperti Kementerian Kerjaya (1839), Kementerian Pelajaran (1857) dan Kementerian Polis (1870). Selain itu, Majlis Diraja yang dibentuk oleh Mahmud II ditukar menjadi Majlis Tanzimat (Jamil, 2007). Majlis ini berperanan merangka pembaharuan dari segi undang-undang dan mengawal rasuah dalam pentadbiran dan ahli yang dipilih adalah mereka yang berpendidikan Barat sahaja.

4.2 Perundangan

Sekian lama pemerintahan Uthmaniyyah ditadbir menurut Syariat Islam dan Qanun (Hukum Adat), namun apabila Tanzimat mula dilaksanakan, beberapa peraturan baharu telah diadakan tanpa penglibatan dan pengetahuan ulama. Transformasi yang dibuat tersebut melibatkan soal jenayah, tanah, perniagaan dan pelayaran yang diubahsuai daripada undang-undang Perancis. Antara yang termaktub dalam piagam *Hatti-Syarif Gulhane* adalah menjanjikan kepada rakyatnya tanpa mengira bangsa dan agama untuk menjaga keselamatan, kehormatan dan kemakmuran serta mengenakan cukai yang berpatutan. Selain itu, sistem monopoli, rampasan tanah dan lelongan tanah yang masih diamalkan akan dihapuskan serta hukuman bunuh hanya dijatuhkan oleh mahkamah setelah sabit kesalahannya (Yahaya & Halimi, 1993). Tindakan ini bagi menjamin pembicaraan secara adil dan terbuka selain mengutamakan persamaan hak untuk semua kaum tanpa mengira agama yang dianuti. Seajar dengan itu, pada 7 Mei 1855, satu perintah telah dikeluarkan mengenai penghapusan cukai jizyah yang dikenakan ke atas orang bukan Islam (Jamil, 2007).

Beberapa bulan selepas pengisytiharan piagam *Hatti-Syarif Gulhane*, Mustafa Resid Pasha telah mewujudkan panel kod *Kanun-i Ceraim* yang diadaptasi daripada undang-undang Perancis. Kesaksamaan undang-undang antara warga Islam dan bukan Islam menjadi asas kepada pelaksanaan undang-undang tersebut. Atas desakan Eropah, termasuk Perancis, piagam baru yang diberi nama *Hatti Humayun* diisytiharkan pada 1 Februari 1856, iaitu selepas berakhirnya Perang Crimea. Piagam ini meneruskan segala hak yang termaktub dalam *Hatti-Syariff*. *Hatti Humayun* banyak memberi fokus kepada penganut Kristian di mana menegaskan segala urusan duniawi orang Kristian diuruskan oleh suatu badan bebas dan majlis gereja, bukan lagi para paderi. Orang Kristian bebas memasuki mana-mana institusi pengajian dan perkhidmatan awam serta berkhidmat dalam tentera. Selain itu, dalam keadaan tertentu, orang asing dibenarkan memiliki tanah, suatu sistem cukai yang lebih adil, perbelanjaan tahunan disediakan dan penghapusan segala penipuan. Orang-orang Islam memprotes undang-undang baru ini kerana telah menghapuskan keistimewaan mereka sebelum ini dan banyak menguntungkan orang Kristian (Yahaya & Halimi, 1993).

Perundangan yang diperkenalkan dalam era ini secara meluas merujuk kepada perundangan Eropah khususnya Perancis. Pada tahun 1841, Undang-undang Perdagangan berpandukan undang-undang Perancis diperkenalkan (Radzi, 2012). Namun, ia ditentang oleh para ulama kerana disifatkan bertentangan dengan syariat Islam. Abdul Majid I memecat Resid dan menyebabkan pembaharuan tersebut tergendala buat seketika. Pada tahun 1850, enakmen Undang-undang Perdagangan diperkenalkan semula. Manakala Undang-undang Kesalahan diperkenalkan pada tahun 1858 berdasarkan Panel Kod Perancis (Liebesny, 1975). Undang-undang Tanah Uthmaniyyah turut mengalami sedikit perubahan apabila banyak merujuk undang-undang tanah Jerman. Seterusnya, undang-undang melibatkan Hukum Laut Uthmaniyyah diwujudkan pada tahun 1863 yang juga merujuk undang-undang Perancis sebagai rujukan utama di samping undang-undang Belgium, Sepanyol dan Prusia (Radzi, 2012).

Pada masa yang sama mahkamah sekular mula dibentuk bagi menjalankan undang-undang baharu. Misalnya pada tahun 1847 Mahkamah Campuran (Mixed Courts) bahagian sivil dan jenayah telah dibentuk dengan para hakim dilantik dari kalangan orang Eropah dan rakyat tempatan. Pada tahun 1860, Mahkamah Perdagangan yang didirikan secara terpisah telah dicantumkan dengan Mahkamah Campuran (Jamil, 2007). Melalui proses ini, status ulama semakin berkurangan dan kuasa mereka dalam sektor perundangan telah diketepikan dan jelas menunjukkan Uthmaniyyah telah mengalami proses tranformasi yang sangat cenderung kepada perundangan Barat.

4.3 Pendidikan Dan Sosial

Era tanzimat menyaksikan dasar pendidikan Barat digunakan dalam sistem pendidikan Uthmaniyyah yang ternyata menzahirkan perbezaan antara pendidikan Islam dan sekular (Canakli, 2022). Pada bulan Mac 1845, sebuah suruhanjaya telah ditubuhkan bagi mewujudkan sistem pendidikan awam bagi rakyat Uthmaniyyah. Suruhanjaya ini bertukar menjadi *Mekatibi Ruddiyye Nezareti* (Kementerian Pendidikan) pada tahun 1847 (Radzi, 2012). Ahli jawatankuasa dalam suruhanjaya tersebut terdiri daripada negarawan yang berkebolehan melakukan pembaharuan.

Dari aspek pendidikan di peringkat rendah, satu peraturan diperkenalkan yang mewajibkan setiap warga Uthmaniyyah menghantar anak mereka ke sekolah setelah mencapai umur enam tahun. Antara pelajaran yang diajar ialah pembacaan, penulisan, ortografik, aritmetik, asas agama dan moral. Pendidikan di peringkat tinggi pula menyaksikan perubahan secara menyeluruh, di mana sekolah vokasional dan teknik semakin berkembang serta sekolah perubatan dan ketenteraan diperluaskan. Mengikut Undang-undang Pendidikan 1869, sistem pendidikan Uthmaniyyah mesti berdasarkan sistem dan kurikulum Barat. Sekolah tinggi di Galatasary yang ditubuhkan pada tahun 1868 menggunakan sistem kurikulum yang diadaptasi daripada Perancis (Radzi, 2012).

Selain sektor pendidikan, sektor telekomunikasi telah berjaya digunakan sepenuhnya dalam memperluaskan idea kebaratan, khususnya dari Perancis. Media massa seperti surat khabar dan sumber kesusasteraan lain dimanfaatkan dalam mempopularkan idea-idea baru dari Barat bermula sejak tercetusnya Revolusi Perancis tahun 1789. Golongan intelektual melahirkan pelbagai karya dalam bentuk novel, puisi, drama dan jurnal yang kesemuanya berorientasikan Barat dari segi isi dan teknik penulisan. Karya-karya Barat khususnya dari Perancis turut diterjemahkan dan dari segi teknik penulisan karya, ianya lebih ringkas dan tepat tidak seperti gaya Parsi yang lebih berbunga-bunga. Tema-tema penulisan yang popular pada era tersebut adalah berkaitan dengan soal pemerintahan berperlembagaan dan ketaatan kepada watan (tanah air) iaitu kerajaan Uthmaniyyah tanpa menyentuh soal Islam. Hal ini mencetuskan semangat kebangsaan yang diperjuangkan Barat. Antara tokoh yang terlibat adalah Ibrahim Sinasi, Namik Kamal dan Ziya Pasha yang terkenal sebagai pemimpin *Yeni Osmanlilar* (Uthmani Muda) yang memperjuangkan pemerintahan berperlembagaan Uthmaniyyah (Jamil, 2007). Peranan yang dimainkan oleh agen telekomunikasi telah memberi impak kepada perubahan lain seperti aspek pemakaian, pemakanan, kemudahan dan hiburan (Radzi, 2012) yang banyak berkiblatkan Barat.

5.0 IMPLIKASI PENGARUH PERANCIS TERHADAP TANZIMAT

Era Tanzimat menyaksikan proses pembaratan dilakukan secara meluas dalam Kerajaan Uthmaniyyah. Namun terdapat aspek yang membezakan antara pembaharuan pada era Tanzimat dengan era sebelumnya. Program pembaharuan sebelum era Tanzimat diinisiatif oleh sultan sendiri dengan dibantu oleh golongan birokrat. Aliran pembaharuan pada ketika itu berlandaskan pemikiran dan kebijaksanaan sultan. Tujuan utamanya adalah mengembalikan kegemilangan Uthmaniyyah terutamanya dalam bidang ketenteraan dan pentadbiran di samping mengekalkan kuasa mutlak sultan. Berbeza dengan reformasi yang dijalankan semasa era Tanzimat, di mana program pembaharuan diasaskan oleh golongan birokrat dan intelektual kerana mereka telah mendapat pendedahan meluas dalam pentadbiran ala Barat sebelumnya. Campur tangan pihak luar, khususnya Perancis telah mencorak struktur pentadbiran negara pada ketika itu dan mereka turut beranggapan sistem diraja tidak mampu mengendalikan pentadbiran yang adil dan berwibawa (Radzi, 2012).

Pelaksanaan pembaharuan semasa Tanzimat telah mewujudkan tentangan yang kuat daripada golongan intelektual Uthmaniyyah dan golongan ulama. Golongan intelektual Uthmaniyyah menggelar kumpulan mereka sebagai *Yeni Osmanlilar* (Uthmani Muda) terdiri daripada beberapa orang tokoh keluaran institusi pendidikan moden Tanzimat. Mereka berpengalaman luas dalam sistem politik Barat. Kebebasan yang dianjurkan oleh kerajaan telah membuka ruang yang luas untuk mereka mengkritik dasar-dasar kerajaan yang dilihat mengabaikan hak rakyat. Pada masa yang sama, jati diri masyarakat Uthmaniyyah semakin terhapus lantaran dasar pembaratan yang meluas. Dominasi kuasa Barat ke atas Kerajaan Uthmaniyyah juga dilihat semakin mencengkam kerana kebergantungan yang melampau daripada pihak pentadbir (Radzi, 2012).

Pengaruh sultan dan ulama semakin berkurang, di mana hanya golongan birokrat dan berpendidikan Barat sahaja dibenarkan dalam urusan pembentukan dasar negara. Penguatkuasaan sistem pendidikan baharu yang memisahkan pengaruh ulama dalam pendidikan awam serta pemansuhan Mahkamah Syariah memberi impak negatif terhadap pengaruh ulama dalam kalangan masyarakat. Perluasan undang-undang Barat menyebabkan ruang lingkup undang-undang syariat semakin mengecil. Skop jawatan *Sheikh-u Islam* dalam bidang perundangan dikurangkan dan akhirnya undang-undang syariat hanya terhad kepada persoalan perundangan keluarga Islam dan jauh ketinggalan daripada undang-undang Barat yang bersifat sekular (Jamil, 2007).

Pengurangan pengaruh dan kuasa sultan dan para pemimpin mengakibatkan masyarakat kembali menikmati hak-hak individu dan politik melalui kesaksamaan penghakiman mahkamah dan pengasingan kuasa serta kewujudan sistem perwakilan dalam kerajaan atau lebih dikenali sebagai sistem demokrasi. Sistem pentadbiran Perancis yang digunakan dalam Kerajaan Uthmaniyyah menggunakan konsep periksa dan seimbang yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Majlis Negara, Senat dan Dewan Rendah. Sistem demokrasi yang dianjurkan dalam Kerajaan Uthmaniyyah memberi peluang kepada rakyat dalam menentukan pemimpin mereka (Nasution, 1982).

Dari aspek pembentukan kebudayaan politik, Tanzimat telah meletakkan satu asas kukuh dalam menggantikan sistem *millet* (komuniti berasaskan bangsa) dalam Kerajaan Uthmaniyyah. Tujuan utama pembentukan perlembagaan dan pentadbiran demokrasi oleh Perancis adalah untuk mewujudkan sebuah negara dengan identiti baharu dan kesetiaan rakyat kepada pemerintah (Kawtharani, 2018). Konsep baharu, iaitu *vatan* (tanah air atau tanah kelahiran) diperkenalkan untuk mengatasi lingkungan agama, etnik dan wilayah. Konsep *millet* atau komuniti berasaskan agama telah dimansuhkan. Konsep kebebasan dan komuniti berasaskan tanah air tersebar luas melalui puisi dan sajak ke seluruh negara sebagai propaganda dalam menanam semangat kesetiaan dan identiti tanah air pada jiwa masyarakat Uthmaniyyah (Radzi, 2012).

Dalam aspek ketenteraan, pembaharuan ketenteraan yang dilakukan sebelum era Tanzimat khususnya bermula sejak Salim III berjaya memperbaiki kekuatan Kerajaan Uthmaniyyah di samping pembaharuan dalam bidang-bidang lain bagi menyokong perubahan dalam sektor ketenteraan yang dimodenkan. Oleh kerana latihan dan aspek-aspek ketenteraan yang lain dikendalikan mengikut cara Barat, maka kedudukan dan peranan ulama dengan sendirinya terpisah daripada anggota tentera Uthmaniyyah (Mustapha & Hasbullah, 2021).

Tanzimat juga meninggalkan implikasi dalam ekonomi Uthmaniyyah kerana pembaharuan yang dilaksanakan tidak seimbang dan kurang mendapat perhatian daripada tokoh-tokoh Tanzimat. Akibatnya beberapa sektor terutamanya pertanian dan perindustrian mengalami kemerosotan yang menyebabkan Kerajaan Uthmaniyyah terpaksa meminjam wang daripada pemodal Inggeris dan Perancis. Dengan itu, ekonomi Uthmaniyyah terus bergantung dengan Barat bagi mendapatkan bahan-bahan import sama ada makanan dan peralatan serta modal untuk perbelajaan pembangunannya

Era Tanzimat dalam Kerajaan Uthmaniyyah menandai tempoh pembaharuan secara menyeluruh. Perancis memainkan peranan penting dalam membantu proses pembaratan Uthmaniyyah. Bertindak selaku rakan bersekutu bersama British, campur tangan serta pengaruh mereka dapat dilihat sejak era sebelum Tanzimat dimulai lagi. Pembentukan pentadbiran sekular dan pendidikan berdasarkan kurikulum Barat melahirkan golongan birokrasi dan intelektual yang berfikir moden. Meskipun proses pembaratan berjaya membawa kemajuan pada awal pelaksanaannya, namun pembaharuan ini telah mengurangi pengaruh sultan dan ulama dalam kalangan masyarakat. Hal ini menyebabkan ketegangan antara kelompok yang memperjuangkan modernisasi Barat dengan golongan yang ingin mempertahankan nilai-nilai tradisional Islam.

6.0 KESIMPULAN

Pembaharuan yang merujuk kepada pengambilan idea-idea pembaratan dalam Kerajaan Uthmaniyyah yang bermula pada era Salim III telah menyaksikan perubahan polisi yang begitu ketara dalam politik Uthmaniyyah. Kekecewaan terhadap kelemahan dan kemunduran yang berlaku dalam Kerajaan Uthmaniyyah menjadi desakan bagi setiap pemimpin tertinggi Uthmaniyyah untuk mengadakan pembaharuan. Sebagai alternatif, idea-idea pemodenan Barat khususnya melalui Revolusi Perancis diambil dengan meluas. Proses pembaratan ini berlangsung dalam

skop yang lebih komprehensif pada era Mahmud II dan seterusnya pada era Tanzimat. Hubungan antara Kerajaan Uthmaniyyah dan Perancis semasa era Tanzimat mencerminkan kerjasama dan persaingan antara dua kuasa. Perancis memainkan peranan penting dalam menyokong reformasi Uthmaniyyah melalui pengaruh dalam bidang pentadbiran, ketenteraan, perundangan dan pendidikan serta sosial. Sementara Uthmaniyyah memberi peluang kepada Perancis untuk memperluas pengaruh ekonomi dan mengawal dasar perundangan berkaitan masyarakat Kristian Protestan dan Katolik di wilayah Uthmaniyyah. Namun begitu, pengaruh Perancis melalui reformasi pembaratan dalam pentadbiran Uthmaniyyah menyebabkan keterbengantungan terhadap sistem pentadbiran Barat. Hal ini menjadi penyebab kepada pengurangan pengaruh sultan dan ulama dalam pentadbiran Uthmaniyyah. Dasar sekularisme dan propaganda mengenai sistem demokrasi berteraskan tanah air menjadi asbab keruntuhan pemerintahan Uthmaniyyah dan pembentukan negara Turki Moden.

Sumbangan Pengarang

Hasnul, M. H. dan Ismail, N. K., Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Anh, D. T. (2024). Tanzimat reforms and the Ottoman Empire's reaction to western powers, 1839-1876. *International Journal of Social Science and Education Research Studies*, 4(6), 642-650.
- Barber, N. (1988). *Lords of the Golden Horn: The Sultans, their harems and the fall of the Ottoman Empire*. London: Arrow Books.
- Canakli, L. A. & Alabay, S. (2022). "Self-learning French coursebooks" as part of French education in post Tanzimat era of the Ottoman Empire. *Journal of Education and Learning*, 11(2), 104- 111.
- Hussain, I. (2011). *The Tanzimat: Secular Reforms in the Ottoman Empire*. Green Lanes: Faith Matters.
- Jamil, F. (2007). *Islam di Asia Barat Moden*. Shah Alam: Karisma Production.
- Kawtharani, W. (2018). The Ottoman Tanzimat and the constitution. *Almuntaqa*, 1(1), 50-64.
- Kinross, L. (1979). *The Ottoman Centuries: The Rise and Fall of the Turkish Empire*. New York: Morrow.
- Liebesny, H. J. (1975). *The Law of The Near Middle East: Reading, Cases & Material*. New York: State University of New York Press.

- Mustapha, F. & Hasbullah, M. (2021). Kemasukan sains dan teknologi dari Barat ke dalam kerajaan Uthmaniyyah pada abad ke 18 dan abad ke 19: Satu penilaian sejarah. *Journal of History Department, University of Malaya*, 30(1), 20-42.
- Nasution, H. (1982). *Pembaharuan dalam Islam, Sejarah Pemikiran dan Gerakan*. Kuala Lumpur: Penerbit Bukit Bintang.
- Quataert, D. (2005). *The Ottoman Empire 1700-1922*. New York: Cambridge University Press.
- Radzi, M. S. M. (2012). *Proses Pembaratan dalam Daulah Uthmaniyyah 1789-1876*. Kota Kinabali: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Shaw, S. J. & Shaw, E. K. (1977). *History of Ottoman Empire and Modern Turkey, Volume II: Reform, Revolution, and Republic: The Rise of Modern Turkey, 1808-1975*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ünişen, Y. & Erbulut, Ö. (2023). The reform movements in The reign of Selim Iii and their effect on the people in Istanbul. *International Social Sciences Studies Journal*, 9(108), 5226-5236.
- Vucinich, W. S. (1965). *The Ottoman Empire: Its Record and Legacy*. Princeton: Van Nostrand.
- Yahaya, M. & Halimi, A. J. (1993). *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Yapp, M. E. (1987). *The Making of The Modern Near East 1972-1923*. New York: Longman.